



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA
KENYATAAN MEDIA
BIL. 8 / 2026

PELAKSANAAN URUSAN SEMAKAN
DAFTAR PEMILIH TAMBAHAN BULAN JANUARI
TAHUN 2026 (DPT BLN1/2026)

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) ingin memaklumkan bahawa **Daftar Pemilih Tambahan Bulan Januari Tahun 2026 (DPT BLN1/2026)** telah diperaku pada **26 Februari 2026** dan diwartakan pada **27 Februari 2026**. DPT BLN1/2026 ini dibuka untuk semakan **selama 30 hari mulai 27 Februari 2026 hingga 28 Mac 2026**.
2. DPT BLN1/2026 ini mengandungi **38,705** nama warganegara yang berumur 18 tahun dan ke atas dalam tempoh **1 Januari 2026 hingga 31 Januari 2026** yang didaftarkan secara automatik sebagai pemilih baharu, **11,731** orang pemilih berdaftar yang bertukar bahagian pilihan raya dan **2,170** orang pemilih bertukar kategori pengundi/ status.
3. SPR menyediakan lima (5) kaedah semakan bagi DPT BLN1/2026 iaitu seperti berikut:
 - (a) Portal SPR di pautan **<https://www.spr.gov.my>** atau **<https://mysprsemak.spr.gov.my>**;
 - (b) Portal rasmi Pejabat-Pejabat Pilihan Raya Negeri di pautan **<http://ppn.spr.gov.my>**;
 - (c) Aplikasi dalam talian di pautan **<https://myspr.spr.gov.my>**;
 - (d) Aplikasi mudah alih **MySPR Semak**; atau
 - (e) Hotline Semakan Pendaftaran Pemilih di talian **03-8892 7218**.
4. SPR menyeru kepada warganegara yang berumur 18 tahun dan ke

atas dalam tempoh **1 Januari 2026 hingga 31 Januari 2026** dan mana-mana pemilih berdaftar yang telah memohon pertukaran bahagian pilihan raya atau pertukaran kategori pengundi/ status untuk menyemak nama mereka dalam DPT BLN1/2026. Sekiranya mereka mendapati namanya tidak disenaraikan dalam DPT BLN1/2026, mereka boleh membuat **TUNTUTAN** dengan mengisi **Borang C** melalui aplikasi dalam talian di pautan <https://myspr.spr.gov.my> atau hadir ke Pejabat Pilihan Raya Negeri yang berkenaan.

5. Di samping itu, mana-mana pemilih berdaftar di sesuatu bahagian pilihan raya yang membuat semakan dan berhasrat membuat **BANTAHAN** ke atas kemasukan nama pemilih yang membuat pertukaran ke bahagian pilihan rayanya dengan mengisi **Borang D** melalui aplikasi dalam talian di pautan <https://myspr.spr.gov.my> atau hadir ke Pejabat Pilihan Raya Negeri yang berkenaan.
6. Borang C dan Borang D juga boleh **dimuat turun dari portal Pejabat-Pejabat Pilihan Raya Negeri** di pautan <http://ppn.spr.gov.my> dan **hendaklah dikemukakan kepada Pengarah Pilihan Raya Negeri berkenaan untuk membuat serahan dan membayar fi bantahan pada waktu pejabat pada mana-mana hari bekerja** sepanjang tempoh semakan DPT BLN1/2026.
7. Untuk sebarang pertanyaan mengenai urusan semakan DPT BLN1/2026 ini, orang ramai boleh melayari portal rasmi SPR di pautan <https://www.spr.gov.my> atau hubungi SPR di talian **03-8892 7218** atau mana-mana Pejabat Pilihan Raya Negeri.

Sekian, terima kasih.

DATUK KHAIRUL SHAHRIL BIN IDRUS

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

27 Februari 2026 / 9 Ramadan 1447H